

Usah biar tangan ganas manusia rosakkan kelestarian alam

Berita Harian (10/12/2021) M/S 43

Oleh Dr Mohd Farid Mohd Shahrin
bhrencana@bh.com.my



Saban hari kita melihat isu pencemaran alam sekitar sering timbul, seolah-olah tidak menunjukkan noktah akhir.

Penguatkuasaan undang-undang yang longgar serta hukuman tidak setimpal dikenakan ke atas pesalah alam sekitar, antara isu yang lazim dibangkitkan.

Hakikatnya, walaupun banyak tindakan diambil pelbagai kesalahan pencemaran alam sekitar masih berlaku. Justeru, usaha memastikan kelestarian alam sekitar harus pergi lebih jauh berbanding sekadar penguatkuasaan undang-undang.

Pengarah Pusat Kajian Syariah, Undang-Undang dan Politik (SYARAK), Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)

Permasalahan utama kembali kepada pembinaan budaya dan pandangan alam yang betul. Apabila seseorang merosakkan alam sekitar sama ada dengan cara membuang sampah di jalan raya, melepaskan sisa toksik ke dalam sungai, menebang hutan secara rakus atau membakar bahan buangan secara terbuka - semua ini dilakukan dengan pengaruh pandangan alam dan budaya yang ada pada seseorang.

Sebagai contoh, seorang Muslim yang benar-benar faham agamanya akan menanam banyak pohon di sekitar rumahnya dengan kepercayaan bahawa selain mengindahkan halaman rumahnya, semua pohon ini adalah sebahagian daripada makhluk ciptaan Allah yang menurut al-Quran sentiasa tunduk dan bertasbih memuji Penciptanya.

Orang Asli dari suku Temiar di pinggir hutan Pahang pula tidak akan merosakkan sungai yang ada di tepi hutan kediamannya, lantaran bimbang akan menimbulkan kemarahan 'ruh' yang dipercayai memelihara hutan berkenaan.

Seorang daripada kelompok Shaman di hutan Amazon pula tidak akan mudah menebang pokok di

alam dalam pengajian agama dan etika. Juga melalui kempen berterusan di pelbagai bentuk media dengan memetik pelbagai pengajaran yang datang daripada pandangan alam agama dan budaya.

Dalam konteks pandangan alam Islam, perkara asas ditekankan semula antara lain adalah seperti berikut:

Pertama, hakikat bahawa alam sekitar bukan milik kita manusia secara mutlak. Ia adalah amanah daripada Tuhan untuk dipelihara dan dipastikan kelestariannya.

Di atas kertas pembungkus barangan yang mesra alam sekitar ada tertera ayat "*We do not inherit the earth from our ancestors, but we borrow it from the future generations.*"

Perkataan ini indah dalam menegaskan bahawa alam ini adalah pinjaman daripada generasi akan datang, namun yang lebih penting ialah penegasan bahawa alam ini bukan milik mana-mana generasi, akan tetapi adalah amanah yang diberikan Tuhan kepada manusia menerusi tugas kekhalifahannya.

Sebagai amanah, ia bukan sahaja perlu dipelihara dengan baik, malah akan dipersoalkan setiap inci alam yang berada di bawah kekuasaan manusia.

Hakikat bahawa alam sekitar bukan milik kita manusia secara mutlak. Ia adalah amanah daripada Tuhan untuk dipelihara dan dipastikan kelestariannya

Kedua, alam ini dijadikan Tuhan dengan kemuliaan dan keistimewaan. Menurut al-Quran alam ini juga seperti manusia dan tunduk bertasbih kepada Tuhan. "*Langit yang tujuh dan bumi serta sekalian makhluk yang ada di dalamnya sentiasa mengucapkan tasbih kepada Allah. Tiada satu pun melainkan bertasbih memuji-Nya akan tetapi kamu tidak faham akan tasbih mereka.*" (Surah al-Isra' ayat 44).

Justeru, alam semesta harus dihormati dan diletakkan di tempatnya yang betul. Alam juga dijadikan dalam satu keseimbangan (al-mizan) berdasarkan kebijaksanaan Tuhan. Tuhan juga mengingatkan supaya jangan sekali-kali dirosakkan keseimbangan yang dicipta oleh-Nya.

Ketiga, alam sekitar adalah tanda kebesaran Penciptanya. Perkataan alam dalam bahasa Arab membawa makna 'alamat' yang menunjukkan kebesaran Penciptanya.

Pepatah Arab menyatakan bahawa "Kejadian sekeliling adalah makna-makna yang berdiri dalam bentuk gambar, Sesiapa yang memahaminya, mereka adalah daripada golongan yang bijak."

Ia juga disebut sebagai ayat-ayat Tuhan yang dilihat (manzurah) berbanding al-Quran sebagai ayat-ayat yang dibaca (maqr'u'h). Justeru mereka yang merosakkan alam pada hakikatnya merosakkan ayat Tuhan dan menghalang manusia untuk membaca, dan mendapatkan makna serta kebijaksanaan daripada ayat terbabit.

Tiga teras kepercayaan berkaitan alam di atas sudah cukup untuk menjadikan seseorang tidak akan bertindak merosakkan alam sekitarnya.

Yang penting, pandangan alam yang baik terbina harus disejahterakan daripada pengaruh pragmatik sekular yang cenderung melihatnya sebagai 'benda' yang boleh dipergunakan mengikut keinginan dan hawa nafsu manusia.

Apabila pandangan sebegini disokong sifat tamak haloba manusia, maka yang akan menanti adalah kerosakan yang tidak berkesudahan akibat tangan ganas manusia.

hutan kerana ingin memelihara hubungannya yang harmoni dengan 'semangat' dan 'kuasa' yang ada dalam setiap unsur alam yang ada di sekelilingnya.

Demikian juga seorang ateis yang hidup di sekitar tasik Lucerne yang indah di Switzerland, tidak akan membuang sisa makanannya ke dalam tasik kerana ia tidak mahu merosakkan ekosistem yang memberi ketenangan kepada kehidupan dunianya.

Jelas sekali bahawa pandangan alam dan budaya walaupun berbeza - masih mampu membawa kepada tindakan dan amalan baik yang sama.


Malah, mereka yang tidak berpegang kepada sistem kepercayaan kosmologi berasaskan ketuhanan pun masih menekankan kelestarian alam sekitar berasaskan keperluan pragmatik mereka untuk hidup secara sihat dan sejahtera di dunia ini.

Ini terbukti apabila negara yang menduduki senarai tertinggi negara terbersih di dunia adalah negara berasaskan kerangka falsafah sekular seperti Denmark, Jerman, Switzerland, Luxemburg, dan United Kingdom.

Dari segi strategi, perkara inilah yang harus dimanfaatkan sepenuhnya oleh pemerintah terutama dalam usaha mendidik setiap kelompok masyarakat supaya bersama-sama memelihara hubungan mereka dengan alam sekitar.

Apa yang harus dilakukan ialah mengembalikan setiap individu kepada kefahaman sebenar terhadap pandangan alam melalui sistem kepercayaan masing-masing.

Ia boleh dilakukan dengan memperkasa kurikulum pendidikan melalui penekanan kembali unsur



Alam dijadikan dengan penuh kemuliaan dan keistimewaan.

(Foto biasan)